

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RME 454 Prinsip-Prinsip Pengurusan Projek Binaan II

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Organisasi projek ialah satu organisasi yang menggabungkan pelbagai bidang kepakaran.

Bincangkan pendekatan konsep perbezaan, saling bergantung dan integrasi dalam sebuah organisasi Projek Binaan.

(20 Markah)

2. Pencapaian objektif projek adalah penting dan ia boleh diukur dari segi masa, kos dan kualiti. Salah satu aktiviti pengurusan projek yang penting demi pencapaian objektif ialah Kawalan. Mengapakah kawalan projek itu penting?

Bincangkan bagaimana kawalan dibuat terhadap masa, kos dan kualiti.

(20 Markah)

3. Mengapa dan bagaimanakah klien binaan itu penting? Bincangkan.

Bincangkan perubahan pengaruh klien dalam membuat keputusan terhadap projek binaan.

Bagaimanakah klien dapat diintegrasikan dengan kumpulan projek?

(20 Markah)

...2/-

4. Terangkan kaedah-kaedah mengurus projek secara tradisional dan bukan tradisional. Bincangkan perbezaan-perbezaan serta kelebihan dan kekurangan kaedah-kaedah tersebut.

(20 Markah)

5. Pengurus projek ialah pemimpin bagi kumpulan projek. Apakah ada satu gaya kepimpinan tertentu untuk pengurus projek? Bincangkan. Kualiti kepimpinan projek boleh diperhatikan dalam dua bentuk, iaitu dari segi sifat dan kemahiran. Bincangkan.

(20 Markah)

6. Industri binaan ialah salah satu industri penting dalam sesebuah ekonomi. Industri binaan dan peranannya dalam pembangunan sesebuah negara juga tidak boleh diperkecilkan.

Berikan gambaran tentang industri binaan dan bincangkan peranannya dalam ekonomi sesebuah negara.

Bagaimanakah industri binaan perlu bertindak untuk menempuh masa depan yang mencabar dan tidak menentu?

(20 Markah)

7. Takrif dan bincangkan pengertian pengurusan projek binaan. Kenalpasti dan terangkan aktiviti-aktiviti dan fungsi pengurusan projek binaan.

(20 Markah)

-ooo000ooo-